KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	7/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kera 'tambah' derita

Warga emas hidup di rumah pusaka daif kerap diganggu 'pelawat' tak diundang

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Kuala Krai

Jarak satu kilometer memasuki ke kawasan kebun sawit rupanya 'tersembunyi' sebuah rumah amat daif seolah-olah rumah tinggal dan tidak berpenghuni.

Bagaimanapun, rumah dengan sebahagian besarnya tidak berdinding dan lantai berlubang itu rupanya dihuni lelaki warga emas hidup sebatang kara.

Ahmad Ibrahim, 65, ketika ditemui sedang melepaskan penat selepas berjalan kaki hampir tiga kilometer (km) ke bandar Kuala Krai untuk mencari barang keperluan.

Menurutnya, dia ada isteri dan lima anak namun tidak tinggal bersama mereka kerana kemiskinan hidup dan mengizinkan ahli keluarganya menetap dengan saudara di Kota Bharu.

"Sudah hampir empat tahun saya tidak berjumpa mereka dan untuk berhubung pula saya tidak memiliki telefon bimbit.



AHMAD mengemaskan barangan yang dirosakkan kumpulan kera.



LANTAI rumah yang rosak.

"Saya tenang dan sesekali boleh berkebun untuk menghilangkan bosan" Ahmad

"Saya memilih tinggal di rumah pusaka ini kerana jika menumpang saya tidak selesa lebih-lebih lagi dengan tidak bekerja dan hanya mengharapkan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM250 sebulan.

"Walaupun tinggal berseorangan di sini, saya tenang dan sesekali boleh berkebun untuk menghilangkan bosan," katanya.

Ahmad berkata demikian selepas menerima kunjungan Cempaka Merah Asnaf Society yang tampil menghulurkan sumbangan zakat dan barang dapur di rumahnya di Kampung Sungai Embak di sini.

Katanya, rumahnya kerap 'dipecah masuk' kumpulan kera mengakibatkan banyak barang terutama makanan bersepah kerana ada terlalu banyak lubang di kediaman itu.



HM, 7 Sept 2021_18

AHMAD di hadapan rumah pusakanya yang terletak satu kilometer ke dalam kebun sawit dekat Kuala Krai.